

18 JAN 2001

Mahathir-Simposium

TABUNG KEWANGAN PERLU UNTUK BANTU ASIA TIMUR, KATA DR MAHATHIR

Oleh: D. Arul Rajoo

OSAKA, JEPUN, 18 Jan (Bernama) -- Jepun dengan kekuatan kewangan serta teknologi boleh membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi Asia Timur dan juga ekonominya sendiri dengan meningkatkan pelaburan dan menubuhkan Tabung Kewangan Asia (AMF), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, antara punca utama Jepun masih gagal untuk pulih daripada kegawatan ialah kerana keengganan rakyatnya berbelanja.

"Asia Timur boleh membeli apa yang dikeluarkan oleh Jepun, lebih banyak lagi jika Jepun membantu Asia Timur untuk makmur semula," kata Dr Mahathir dalam ucaptamanya di Simposium Antarabangsa Mainichi, iaitu bahagian pertama kempen "Bangkit Kansai" yang diadakan untuk menghidupkan ekonomi lembap di wilayah Kansai.

Ini, kata Dr Mahathir, boleh dilakukan dengan berbalik kepada strategi lama mengeluarkan produk-produk kualiti tinggi pada kos rendah yang boleh dijual kepada Asia Timur.

"Anda tidak perlu hentikan perdagangan dengan Eropah dan Amerika tetapi kami akan menyediakan satu pasaran tambahan yang besar. Tetapi pertamanya tolonglah kami untuk pulih dengan melabur di negara kami dan menubuhkan AMF," katanya.

Beliau berkata, negara-negara Asia Timur yang melihat Jepun sebagai model mereka hampa apabila ekonomi kedua terbesar di dunia menunjukkan tanda-tanda kejatuhan dan bagi lebih sedekad nampaknya ia tidak mampu keluar daripada kegawatan.

"Tetapi yang lebih menghampakan ialah Jepun nampaknya lebih mementingkan hubungannya dengan Amerika berbanding dengan Asia Tenggara," katanya.

Masalah ekonomi yang dihadapi oleh Jepun kini berpunca kerana percubaannya untuk menerima bulat-bulat amalan dan norma-norma barat, kata Dr Mahathir lagi, dan menambah kata kesan buruk yang disebabkan tidak akan sebegitu besar jika proses itu dibuat berperingkat-peringkat.

"Tetapi Jepun cuba mengubah semuanya semalaman. Perubahan sentiasa membawa kesan sampingan tetapi perubahan segera atau pesat paling banyak membawa kesan buruk."

Dr Mahathir juga meminta Jepun memikirkan semula langkahnya untuk mengetepikan amalan-amalan lama dalam politik, ekonomi dan pengurusan kewangan dan menggantikannya dengan standard dan kaedah Barat.

"Sehinggakan muda-mudi Jepun mahu berambut perang, kurang kerja dan mahu lebih berseronok. Budaya tradisi Jepun dan Timur ditinggalkan dan digantikan dengan tradisi barat yang tidak mementingkan ketaatan terhadap ibu bapa dan disiplin," katanya.

Perbuatan menerima bulat-bulat amalan Barat mungkin langkah yang kurang bijak, kata Dr Mahathir.

"Hari ini Jepun meniru ideologi dan sistem pengurusan ekonomi Barat. Saya berpendapat seperti empayar Asia Timur Jepun yang berakhir dengan malapetaka, percubaan Jepun untuk meniru ideologi dan sistem Barat akan membawa keputusan akhir yang sama," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai alasan tersendiri untuk meragui resipi Barat bagi dunia kerana ia telah menjadi mangsa resipi itu dan juga telah menyaksikan mereka yang lain melalui kesengsaraan yang lebih teruk hasil idea dan konsep terbaru Barat.

Beliau meminta negara-negara Asia supaya meninjau bersama demokrasi liberal dan pasaran bebas dalam dunia yang tidak bersempadan dan untuk

tentukan apa untuk diterima, ditolak dan apa untuk diubahsuai.

Jepun kata beliau, memahami lebih baik Asia dan Asia Tenggara berbanding Barat, kecuali apabila ia memilih untuk mendengar daripada mereka yang tidak memahami mengenai Asia.

Perdana Menteri menyeru Jepun untuk belajar mengenai jiran-jirannya melalui rangkaian pengumpulan beritanya sendiri kerana mereka boleh terlepas banyak peluang jika mereka bergantung kepada rangkaian sedia ada.

Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak percaya akan 'Abad Asia' tetapi percayai abad ini harus menjadi 'Abad Dunia'.

"Jika kita memperkayakan semua negara di dunia, kita akan mempunyai pasaran yang benar-benar kaya, yang boleh memperkayakan setiap negara...ia bukan mudah, ia akan mengambil masa dan kesabaran tetapi ia boleh dilakukan," kata beliau lagi.

Tetapi negara-negara Asia Timur mesti meningkatkan kedinamikannya untuk memperkayakan dirinya terlebih dahulu, dan menambah kata bagi sekali lagi mencapai pertumbuhan luar biasa, mereka harus dibenarkan bekerja menggunakan formula mereka sendiri.

Dr Mahathir berkata, Jepun dan Asia mesti memikirkan semula nilai-nilai kemanusiaan dan berada di hadapan dalam merumuskan nilai dan norma-norma baru yang mana kekuatan bukan hak.

"Nilai-nilai Asia harus menjadi asas bagi nilai-nilai sejagat baru ini. Kita perlu bermula di Asia Timur. Kita perlu bermula di sini kerana kita telah menunjukkan yang kita mempunyai pendekatan yang betul untuk memperkayakan penduduk kita," kata beliau lagi.

Dengan saling bekerjasama, berdagang, melabur, memindahkan teknologi dan menjalankan perkhidmatan sukarela pada skala besar, Asia Timur boleh berubah ke wilayah dengan negara-negara kaya dan tiada kemiskinan.

Dr Mahathir berkata, Jepun bersama Asia Tenggara mesti memberikan penyelesaian mereka bagi masalah kewangan dan ekonomi dunia untuk memastikan hubungan lebih baik antara negara-negara di dunia.

"Adalah tidak wajar yang Jepun dan Asia menjadi makmur melalui saling persefahaman jika ia tidak membawa kepada kemakmuran bagi tempat-tempat lain di dunia," katanya.

-- BERNAMA

AR ZS PR